

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]

TARIKH : 19 November 2015

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang penukaran jawatan Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail ketika beliau secara aktif terlibat dengan kes yang melibatkan YAB Perdana Menteri sendiri. Apakah tindakan YAB Perdana Menteri ini tidak bercanggah dengan prinsip urus tadbir negara yang baik (*good governance*).

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penamatan perkhidmatan Tan Sri Gani Patail sebagai Peguam Negara pada 27 Julai 2015 yang lalu adalah atas sebab-sebab kesihatan. Ia dilaksanakan selaras dengan peruntukan sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan.
2. Namun begitu, beliau masih lagi berkhidmat sebagai Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sehingga beliau bersara wajib pada 6 Oktober 2015.

Sekian, terima kasih.